Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 9, e001748
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1748

Cabaran Kerajaan Menguruskan Pesara dan Pelabur Antarabangsa: Cadangan Penambahbaikan Dasar dalam Program Malaysia Rumah Keduaku

(Government Challenges in Managing International Retirees and Investors: Policy Improvements for Malaysia My Second Home)

Nurulhasanah Abdul Rahman[1*]

[1]Bahagian Sains Politik, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Email: hasanahrahman@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nurulhasanah Abdul Rahman (hasanahrahman@usm.my)

KATA KUNCI:
Dasar Awam
Program MM2H
Malaysia Rumah Keduaku,
Pemindahan Dasar
Program Persaraan

KEYWORDS:
Public Policy
MM2H Programme
Malaysia My Second Home Programme
Policy Transfer
Retirement Policy

CITATION:
Nurulhasanah Abdul Rahman. (2022). Cabaran Kerajaan Menguruskan Pesara dan Pelabur Antarabangsa: Cadangan Penambahbaikan Dasar dalam Program Malaysia Rumah Keduaku. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(9), e001748. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1748

ABSTRAK

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah menyaksikan percikan kontroversi antarabangsa yang melibatkan warga asing ketika wabak COVID-19 melanda. Dikritik kerana diskriminasi dan prejudis terhadap warga asing, kerajaan Malaysia juga berjuang dengan ketidaktentuan politik dalaman semasa krisis ini. Tidak adil kepada warga asing yang berdokumen, kebanyakan mereka menyertai Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) sebagai pelabur dan pesara yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu dasar berkaitan Program MM2H dengan menggabungkan perspektif akademik dan pelaku dasar yang terlibat dalam program ini. Analisis kualitatif menunjukkan tiga isu dasar yang mempengaruhi reputasi Program MM2H. Oleh itu, tiga cadangan praktikal dikemukakan berkaitan dengan struktur program, penentuan pemilik utama MM2H, dan memperkasakan Pusat MM2H. Selain itu, kajian ini menambah nilai kepada kajian yang sedia ada dengan memberi fokus kepada pendekatan pemindahan dasar untuk menilai kemajuan dasar dan mengenal pasti kelemahan dasar yang harus diperbaiki. Sejak 20 tahun Program MM2H diperkenalkan, dasar ini tidak pernah dikaji semula. Maka, kajian analisis dasar ini merupakan antara kajian perintis yang dijalankan untuk menambahbaikkan Program MM2H secara komprehensif.

ABSTRACT

In recent years, Malaysia has witnessed several international controversies involving foreigners during the COVID-19 outbreak. Criticised for discrimination and prejudice against foreigners, the Malaysian government also struggles with internal political uncertainty. It is unfair for documented foreigners, most of whom participate in the Malaysian Second Home Program (MM2H) as foreign

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

retirees and investors who contribute to the Malaysian economy. Therefore, this study aims to analyse policy issues within the MM2H programme by integrating the perspectives of academics and policy actors involved in this program. The qualitative analysis revealed three policy issues that affected the reputation of the MM2H programme. Accordingly, three practical recommendations are presented regarding the program structure, determining the MM2H parent owner, and empowering the MM2H Centre. Also, this study adds value to existing studies by focusing on the policy transfer approach to assess policy progress and identify policy constraints that need to be improved. For 20 years after the MM2H programme was introduced, this policy has never been reviewed. Therefore, this policy analysis study is one of the pioneer studies conducted to improve the implementation of the MM2H programme as a whole.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah dapatan yang diperoleh daripada analisis dasar merupakan hasil kajian perintis berkaitan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dari sudut pandang dasar awam. Kajian lepas menumpukan kepada perspektif pemegang pas MM2H atau motivasi mereka untuk memilih Malaysia sebagai destinasi rumah kedua.

1. Pengenalan

Kebanjiran warga asing di Malaysia bukanlah perkara yang baharu. Walaupun dinobatkan sebagai negara yang cekap menguruskan pekerja asing (Anderson, 2021; Bernama, 2021), Malaysia juga kerap kali menjadi tumpuan media antarabangsa berkaitan kes salah laku terhadap warga asing (Economist, 2020; Anderson, 2021).

Terbaharu, Malaysia didakwa sebagai negara yang mengamalkan diskriminasi terhadap warga asing di atas perilaku tidak berperikemanusiaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Aling, 2020; Wahab, 2020). Sehubungan itu, kerajaan Malaysia telah menjelaskan bahawa warga asing yang didakwa telah dikasari sebenarnya adalah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen yang sah. Namun begitu, layanan yang diberikan adalah berlandaskan undang-undang sebagaimana dikuatkuasakan di negara-negara lain. Malah, kerajaan Malaysia masih bertimbang rasa dengan memberi perlindungan, menanggung kos makan minum dan menguruskan penghantaran pulang PATI secara percuma (Bernama, 2020).

Sebelum perbincangan ini dilanjutkan, orang ramai perlu cakna akan beberapa kategori warga asing di Malaysia. Jarang sekali kajian lepas menyenaraikan definisi yang menerangkan kategori-kategori warga asing dengan jelas. Pada dasarnya, warga asing adalah singkatan daripada perkataan 'warganegara asing' yang diberikan kepada seseorang bukan warganegara atau orang luar yang datang atau memasuki sesebuah negara lain.

Di Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) menguruskan urusan keluar masuk warganegara dan bukan warganegara ke Malaysia (Jabatan Imigresen Malaysia, 2021). Menurut Jabatan Imigresen Malaysia (2021), terdapat dua kategori orang asing di Malaysia iaitu (1)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

warga asing dan (2) pekerja asing. Warga asing merujuk kepada ekspatriat, pelajar asing, pelancong, dan peserta Program MM2H. Manakala, pekerja asing merangkumi tenaga buruh dari negara-negara tertentu untuk bekerja dalam sektor yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia (seperti sektor perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan) termasuklah pembantu rumah (Jabatan Imigresen Malaysia, 2021).

1.2. Perbezaan PATI dan PADI

Lazimnya, kajian lepas turut menggunakan istilah pendatang asing untuk merujuk kepada pekerja asing atau pelarian (Ajis et al., 2018; Rahim et al., 2019; Zulkipli & Ma'alip, 2021). Secara khususnya, pendatang asing terbahagi kepada dua lagi bahagian iaitu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan Pendatang Asing Dengan Izin (PADI). Namun begitu, istilah PATI lebih kerap digunakan secara meluas di media massa dan elektronik berbanding penggunaan istilah PADI yang biasa digunakan di peringkat kementerian dan kajian akademik sahaja (Abdullah, 2020).

Melihat kepada senario semasa di mana orang awam sering melabel warga asing sebagai PATI, rangkaian komuniti JIM telah menyediakan infografik mengenai perbezaan PATI dan PADI di media sosial tidak rasmi mereka (Friends of Immigration, 2020). Namun begitu, sehingga kini masih kurang kesedaran orang awam akan perbezaan antara PATI dan PADI. Sumbangan dan sokongan kedua-dua kategori warga asing ini kepada pembangunan ekonomi Malaysia adalah sangat signifikan (Berawi, 2019; Selamat, 2022). Namun, sikap prejudis dan jurang sosial terhadap PATI telah mengakibatkan golongan PADI terkena tempias diskriminasi orang awam di Malaysia terhadap warga asing secara keseluruhannya.

Perlu diingatkan bahawa kebiasaannya, PADI adalah warga asing yang mempunyai kemahiran mahir, profesional atau berpendapatan tinggi yang menetap sementara di Malaysia untuk memacu pasaran global di dalam negara (Nor et al., 2015; Khan et al., 2019; Ridzuan et al., 2021). Maka, layanan yang tidak adil oleh rakyat Malaysia terhadap golongan PADI akan merugikan negara dan membantutkan usaha kerajaan Malaysia untuk proses liberalisasi modal insan asing melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran tenaga mahir oleh PADI. Menyedari hakikat ini, kajian ini memberi tumpuan kepada PADI untuk mengisi jurang ilmu berkaitan hal ehwal PADI di Malaysia terutamanya yang menyertai Program MM2H.

1.3. Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H)

Berdasarkan rekod Arkib Negara Malaysia (ANM), Program MM2H telah dilancarkan secara rasmi pada 24 Jun 2002 oleh Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir (mantan menteri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan). Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada kajian lapangan 2020, peserta MM2H terdiri daripada 131 negara yang diungguli oleh warga China (31.6%), diikuti warga Jepun (11.1%) dan warga Bangladesh (9.5%).

Program ini diwujudkan sebagai salah satu inisiatif kerajaan Malaysia dalam menarik minat warga asing yang memenuhi kriteria tertentu untuk tinggal di Malaysia dengan Pas Lawatan Sosial yang boleh diperbaharui setiap 10 tahun (Wong & Musa, 2020). Terbuka kepada warga asing dari mana-mana negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia tanpa mengira usia, jantina, agama, mahupun warna kulit, Program MM2H berjaya menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara terbaik Asia

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

untuk destinasi persaraan paling ideal di dunia (Parlimen, 2014; Davison, 2019; Eisenberg, 2021).

Melihat kepada objektif utama Program MM2H, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MoTAC) menyasarkan golongan berpendapatan tinggi dari luar negara untuk merancakkan industri pelancongan dan pasaran pembangunan hartanah di Malaysia (Parlimen, 2014; Rishyakaran, 2021). Pada awalnya, program ini dikenali sebagai *Silver Hair Programme* (SHP) yang ditubuhkan pada tahun 1987 di bawah bidang kuasa JIM untuk menarik minat pesara daripada beberapa buah negara terpilih sahaja untuk menetap di Malaysia dalam tempoh tertentu (Guan, 2018).

1.4. Isu-isu semasa berkaitan Program MM2H

Selesai dengan penjelasan mengenai pentadbiran atasan Program MM2H, artikel ini akan mengupas isu-isu semasa berkaitan program ini. Tidak dinafikan, peralihan pemilik Program MM2H telah berjaya merancakkan subsektor pelancongan negara seperti hartanah, automobil, pendidikan dan perubatan (Guan, 2018; Rishyakaran, 2021). Malah, MoTAC juga berhasil menggalakkan pelaburan asing di Malaysia dengan jumlah RM40.6 bilion menerusi pembelian hartanah, pembiayaan pendidikan, perubatan, dan perbelanjaan harian dari segi kos sara hidup, sewa beli kenderaan, tempat tinggal dan perbelanjaan pelbagai (Hasnol, 2021; Rishyakaran, 2021). Sungguhpun demikian, kejayaan sesebuah dasar tidaklah tertakluk kepada ukuran prestasi ekonomi semata-mata.

Daripada sudut pandangan lain, Program MM2H sebenarnya telah tersasar daripada objektif asal yang ditetapkan sejak penubuhan Program SHP iaitu menyantuni golongan pesara asing. Tidak cukup dengan itu, MM2H turut terpalit dengan sengketa perbalahan politik dan dakwaan kes jenayah yang dikaitkan dengan program ini (Zin, 2021). Rentetan daripada kontroversi yang melibatkan Program MM2H, kementerian yang bertanggungjawab (MoTAC dan KDN melalui JIM) telah beberapa kali membekukan Program MM2H untuk sementara waktu bagi tujuan kajian semula pelaksanaan MM2H (Sanusi, 2021).

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan biasanya bersifat ad-hoc dan tidak menyeluruh (Guan, 2018). Situasi ini telah membangkitkan pelbagai komplikasi kewangan kepada pihak berkepentingan terutamanya syarikat perunding bertauliah dan pemaju hartanah yang berdaftar dengan MoTAC telah kehilangan mata pencarian mereka (San, 2020; Hasnol, 2021; Rishyakaran, 2021). Lebih buruk lagi, ekonomi negara dianggarkan mengalami kerugian dari segi kekurangan potensi pelaburan apabila pemohon beralih kepada negara-negara pesaing seperti Thailand dan Filipina (Ng, 2018; Parlimen, 2020).

2. Permasalahan Kajian

Melihat kepada kelebihan Program MM2H terhadap pembangunan ekonomi Malaysia, terdapat keperluan yang mendesak untuk menjalankan analisis dasar secara menyeluruh. Malah, sokongan kerajaan Malaysia untuk menyantuni warga emas asing melalui Program MM2H semakin pudar dan perubahan landskap politik di Malaysia telah mengeruhkan lagi keadaan semasa.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perkara ini dapat dilihat apabila pemohon-pemohon Program MM2H perlu menunggu keputusan permohonan dalam tempoh hampir setahun (sejak September 2018 sehingga Julai 2019), walaupun mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) adalah selama 120 hari sahaja (Parlimen, 2020). Keputusannya, lebih 90 peratus permohonan telah ditolak tanpa sebarang alasan yang diberikan (Kumar, 2020). Pergolakan politik sejak peralihan pentadbiran daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan telah menyaksikan beberapa perubahan drastik yang menambahkan kemarahan orang awam terhadap warga asing (Reuters, 2018).

Bagi menangani masalah ini, analisis dasar menggunakan pendekatan pemindahan dasar (*Policy transfer approach*) dipilih untuk meneliti kelemahan Program MM2H yang memerlukan perhatian kerajaan Malaysia sewajarnya. Merujuk kepada kajian lepas, penulisan berkaitan Program MM2H daripada sudut pandangan dasar awam adalah sangat terhad. Rata-rata kajian terdahulu membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan motivasi peserta MM2H (Guan, 2018; Khan et al., 2019; Mariadas et al., 2020) dan majoriti daripada kajian MM2H menumpukan kepada perspektif peserta MM2H sahaja (Abdul-Aziz et al., 2014; Jayaraman et al., 2019; Wong & Musa, 2020).

Selain daripada kerugian kepada potensi pelaburan dan ekonomi negara, isu MM2H juga mengakibatkan sikap prejudis dan diskriminasi terhadap warga asing semakin menebal dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam sisi yang lain, kekeliruan mengenai kategori-kategori warga asing dan kepentingan warga asing seperti PADI melalui Program MM2H juga belum pernah dikaji secara mendalam. Dengan itu, artikel ini memberi fokus kepada penyelesaian praktikal kepada permasalahan melibatkan PADI di Malaysia dengan analisis dasar Program MM2H daripada akar umbi.

Pada dasarnya, Program MM2H tidak pernah dikaji secara menyeluruh sejak penubuhannya pada tahun 2002. Malah, peralihan kuasa pemilik program telah menyebabkan lompong maklumat seperti dokumen-dokumen berkaitan proses penggubalan dasar tidak direkodkan sebaiknya (Guan, 2018). Maklumat terhad ini telah menyebabkan kementerian memilih untuk tidak teruskan dengan analisis dasar yang menyeluruh. Dari semasa ke semasa, program ini juga menghadapi pelbagai cabaran lain seperti disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Cabaran bagi program MM2H

	Cabaran	Penjelasan
1.	Syarat-syarat permohonan tidak jelas	Oleh sebab kekerapan mengubah struktur program - Dari segi umur, kewangan, kelayakan pinjaman bank, dan sebagainya.
2.	Arahan bercanggah	Disebabkan oleh proses pelaksanaan program daripada Kementerian berbeza.
3.	Isu-isu nasional	Seperti isu pemilikan tanah, Skandal Forest City, status kewarganegaraan (Pemastautin tetap), dan sebagainya.

Sumber: Kajian lapangan (2021)

2.1. Cadangan Penglibatan Ahli Akademik dan Pelaku Dasar

Sebagai catatan tambahan, artikel ini merupakan petikan daripada kertas dasar yang dipanjangkan kepada pihak kementerian terpilih iaitu KDN dan MoTAC sebagai makluman dan perkongsian hasil dapatan kajian untuk disebarluaskan kepada pihak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang berkepentingan dan pembuat dasar bagi menambahbaikkan Program MM2H. Berdasarkan pemerhatian awal daripada sorotan literatur, masalah yang wujud dalam Program MM2H adalah bertitik tolak daripada percanggahan arahan daripada pihak atasan yang mempunyai perbezaan dari segi fungsi dan bidang tugas kementerian yang terlibat (Guan, 2018).

Menyedari hakikat ini, penglibatan ahli akademik dan pelaku dasar adalah sangat kritikal dalam menyelesaikan masalah berkaitan dasar awam di Malaysia. Tidak berkepentingan dan bersifat neutral, kedua-dua pihak dianggap sebagai pihak berkecuali yang mampu mencari jalan penyelesaian secara rasional dan praktikal. Jika dibandingkan dengan amalan penyelesaian masalah dasar awam sebelum ini, kebanyakan solusi diputuskan oleh peringkat tertinggi kerajaan yang pada hakikatnya tidak terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dasar (Satar, 2021).

Memetik cadangan Profesor Edmund Gomez, kerajaan harus melibatkan pemain industri atau pelaku dasar dalam usaha penambahbaikan dasar sedia ada bagi mencerminkan sistem tadbir urus yang berintegriti dan relevan (seperti yang dinyatakan dalam Abdullah, 2019). Melihat kepada sejarah awal Program MM2H yang dijenamakan semula daripada program terdahulu iaitu SHP, kajian ini memutuskan untuk mengadaptasi Teori Pemindahan Dasar menggunakan Kerangka Pemindahan Dasar oleh Dolowitz dan Marsh (2000).

2.2. Teori dan Kerangka Pemindahan Dasar

Bertitik tolak kepada masalah yang dijelaskan di atas, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan pemindahan dasar (*Policy transfer approach*). Pendekatan ini merujuk kepada proses di mana pengetahuan tentang sesebuah dasar, urusan pentadbiran, institusi, dan idea di sesebuah negara (pada masa kini atau masa lampau), 'dipinjam' atau diguna pakai dalam merangka sesebuah dasar di tempat atau masa yang lain (Common & Gheorghe, 2017; Dolowitz et al., 2019).

Seperti yang dinyatakan oleh penyelidik terdahulu, peranan pembuat dasar sejak awal proses pemindahan dasar adalah penting kerana mereka mempengaruhi hala tuju sesebuah dasar (Dolowitz & Marsh, 2000; Common & Gheorghe, 2017; Stone et al., 2020). Justeru, pendekatan pemindahan dasar dipilih sebagai solusi kepada masalah yang wujud dalam Program MM2H kerana pendekatan ini memberi ruang kepada penyelidik untuk mengkaji (1) tujuan asal program ini diwujudkan dan (2) dari mana program ini 'dipinjam'.

Menurut Dolowitz dan Marsh (2000), kerangka pemindahan dasar yang diketengahkan mereka merupakan kerangka menyeluruh dengan menggabungkan sinergi idea daripada sarjana-sarjana terdahulu. Mengandungi lapan soalan utama, kerangka ini telah disemak semula beberapa kali dengan penambahbaikan kualiti ukuran pemindahan dasar.

Kesimpulannya, kerangka ini telah diguna pakai sebagai rujukan oleh pelbagai negara untuk pelbagai bidang seperti pentadbiran awam di China (Zhang & Yu, 2019), dasar jenayah di Scotland (Graham & Robertson, 2021), dasar warga emas di Korea (Woo & Choi, 2020) dan dasar imigresen di Kanada (Bertram et al., 2019).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan oleh pasukan penyelidik daripada Bahagian Sains Politik, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM). Tempoh kajian ini dijalankan adalah selama setahun iaitu bermula dari Mac 2020 sehingga Mac 2021.

Menggunakan teknik temu bual elit dan analisis dokumen, data kajian ini juga dikumpulkan melalui tinjauan dokumen dasar, rekod arkib, dan catatan nota peribadi. Namun begitu, identiti informan perlu dirahsiakan kerana data yang diperoleh adalah sulit bagi menjaga nama baik kementerian. Kajian ini juga ingin menegaskan bahawa maklumat yang dikongsi adalah bersifat pendapat berdasarkan pengalaman peribadi dan profesional mereka sebagai penjawat awam di Malaysia.

Sehubungan itu, golongan elit yang dipilih dalam kajian ini merupakan kelompok masyarakat profesional dalam bidang masing-masing yang mampu menyumbang kepada ilmu pengetahuan yang mendalam tentang Program MM2H iaitu (1) Pelaku dasar yang terlibat dalam pelaksanaan program dan (2) ahli akademik dengan latar belakang penyelidikan yang berkaitan dengan dasar negara Malaysia. Dari segi dokumen dasar dan rekod arkib, Parlimen Malaysia dan Arkib Negara Malaysia turut dipilih sebagai informan. Dengan itu, jumlah keseluruhan informan ialah seramai 13 orang (rujuk Jadual 2). Data sekunder juga dikumpulkan melalui atas talian seperti rujukan artikel jurnal, koleksi tesis dan surat khabar bagi tujuan perbandingan dan proses triangulasi data.

Jadual 2: Ringkasan demografi informan

Kementerian/Agensi	Jawatan			Jantina		Total
	Pengarah/Pen. Pengarah	Pegawai	Lain-lain	Lelaki	Wanita	
Pusat MM2H	1	-	-	-	1	1
Sarawak MM2H	1	-	-	-	1	1
MoTAC	2	1	-	1	2	3
Jabatan Imigresen Malaysia	1	-	-	-	1	1
Arkib Negara Malaysia	2	-	-	1	1	2
Ahli akademik	-	-	3	3	-	3
Parlimen	2	-	-	-	2	2
Total	8	2	3	5	8	13

Sumber: Kajian lapangan (2021)

Kriteria pemilihan informan bagi kajian ini adalah penjawat awam dengan Gred 41 ke atas yang terlibat dalam pelaksanaan Program MM2H (pelaku dasar) dan ahli akademik yang berpengalaman dalam penyelidikan dasar sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun terkini. Sesi temu bual direkodkan selepas mendapat persetujuan daripada informan dan informan diingatkan bahawa mereka dibenarkan untuk menarik diri pada bila-bila masa, jika perlu. Dengan itu, penglibatan informan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan sesi temu bual dijalankan mengikut keselesaan informan berdasarkan masa dan lokasi yang sesuai dengan jadual kerja mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.1. Analisis Data Kajian

Dalam kajian ini, analisis data menggunakan kajian kes telah digunakan berdasarkan cadangan Creswell dan Poth (2018) dan Yin (2018). Walaupun tidak menggunakan perisian data kualitatif seperti Nvivo ataupun Atlas.ti, analisis data yang dijalankan secara manual dilihat mampu membantu penyelidik memahami subjek kajian dengan lebih mendalam.

Walaupun pelbagai ciri-ciri mesra pengguna dan elemen intuisi dimasukkan ke dalam perisian analisis kualitatif data, kemampuan kecerdasan otak manusia untuk pengelasan kod dan tema mampu mencerminkan keterangan, makna dan interpretasi yang lebih bernilai kepada data yang dikutip (Jasmi, 2012). Selain itu, tafsiran data juga dapat dianalisis dengan lebih tepat menggunakan elemen intuisi, emosi dan pengalaman penyelidik berbanding algoritma analisis menggunakan perisian komputer yang rigid dan terhad.

Selepas rakaman audio temu bual diterjemahkan kepada bentuk tulisan (*transcribe*), corak data dikenal pasti dan corak yang berulang dilabelkan sebagai kod. Senarai kod disusun bagi membentuk tema dan perkaitan data (Yin, 2018; Ahmad et al., 2021). Menurut Creswell dan Poth (2018), setelah tiada maklumat baharu yang diperolehi, proses pengumpulan data diberhentikan yang menandakan data kajian telah mencapai tahap tepu (*saturation point*).

Pada masa yang sama, analisis dokumen dasar (*policy document analysis*) dijalankan serentak untuk tujuan triangulasi atau pengesahan data. Pada peringkat ini, hasil analisis temu bual dan dokumen dasar disusun dan digabungkan mengikut kod yang ditetapkan untuk menjadi tema kajian (Creswell & Poth, 2018; Yin, 2018). Dengan itu, langkah analisis data telah tamat dan dapatan kajian disusun mengikut keperluan kementerian yang terlibat iaitu KDN dan MoTAC.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian ini merumuskan hasil analisis pelaksanaan Program MM2H (sejak tahun 2002) terutamanya mengenai isu-isu utama dasar yang mempengaruhi reputasi Program MM2H dan cadangan penambahbaikan dasar daripada sudut pandangan ahli akademik dan pelaku dasar. Sementara itu, penggunaan teori pemindahan dasar telah merungkai masalah-masalah terpendam dalam Program MM2H dengan penekanan kepada sejarah awal program.

Diakui oleh majoriti informan kajian ini, Program MM2H tidak mempunyai dokumen dasar atau rekod yang rasmi kerana program ini merupakan lanjutan daripada program yang terdahulu daripada masa lalu dan kementerian yang berbeza. Maka, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tiada pihak yang mempunyai akses kepada dokumen dasar mahupun rangka tindakan yang sebenar sejak penubuhan Program MM2H.

Malah, pelaksanaan program ini diteruskan dari setahun ke setahun mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) mengikut interpretasi Bahagian atau Unit kementerian masing-masing. Ketidakseragaman arahan daripada kementerian yang berbeza menjadi barah dalam diam yang mengganggu gugat pelaksanaan program dan memberi impak yang negatif kepada reputasi Program MM2H.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Secara keseluruhan, kajian ini menggariskan tiga faktor utama yang perlu diperbaiki untuk penambahbaikan Program MM2H. Hasil daripada proses analisis data, lapan kod berulang telah dikenalpasti: (1) Melibatkan penguatkuasaan, (2) pemantauan, (3) kawalan sempadan, (4) semakan syarat permohonan (5) tetapan semula pemilik induk, (6) menyediakan pangkalan data berpusat, (7) aplikasi mudah alih, dan (8) mewujudkan akaun media sosial bagi Program MM2H.

4.1. Penstrukturan Program

Melihat kepada kelemahan dalam Program MM2H, majoriti informan dalam kajian ini berpendapat bahawa struktur keseluruhan program perlu disemak semula. Khususnya, pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan undang-undang seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu diberi kepercayaan untuk terlibat dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan program. Dengan kuasa yang ada pada JIM dan PDRM, peserta MM2H dapat dikawal dengan lebih sistematik terutamanya dalam kes tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan untuk berada di Malaysia (*overstay*) dan membawa tanggungan melebihi kuota yang ditetapkan.

4.1.1. Memperketatkan Penguatkuasaan

Walaupun pelaksanaan penguatkuasaan yang ketat seperti rondaan dan serbuan mengejut ke rumah peserta program telah terbukti berjaya mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan warga asing, kajian ini turut mengambil kira kekangan autoriti, beban tugas dan kos bagi setiap operasi penguatkuasaan yang melibatkan anggota JIM dan PDRM. Menyedari hakikat ini, kerajaan Malaysia dicadangkan untuk mewajibkan pemohon Program MM2H yang baharu untuk mematuhi syarat Makluman/Notifikasi Keberadaan.

Notifikasi ini dicadangkan berdasarkan rujukan kepada kaedah yang digarap oleh kerajaan negara Thailand dalam memantau warga asing di negara tersebut (Bruton, 2019). Hanya dengan mengisi borang tertentu (dicadangkan satu muka surat sahaja - Contoh: Borang A1), peserta MM2H perlu memaklumkan alamat terakhir mereka.

Namun begitu, perlu diingatkan bahawa syarat ini bukan diwujudkan untuk mengehadkan atau membatasi pergerakan peserta. Malah, sesuai dengan senario terkini dengan pandemik COVID-19, kerajaan Malaysia dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan semua pihak termasuklah peserta MM2H itu sendiri. Maka, keberadaan peserta MM2H dalam kalangan masyarakat tidak menggusarkan rakyat Malaysia kerana pihak berkuasa telah dimaklumkan.

4.1.2. Memperbanyakkan Operasi Pemantauan

Kajian ini turut merekodkan beberapa aduan daripada responden kajian yang kecewa dengan masalah pemantauan dalam Program MM2H. Tanpa pemantauan daripada pihak berkuasa, dikhuatiri peserta MM2H bersikap 'besar kepala' dan kebal dengan undang-undang negara ini kerana telah lama berada di Malaysia. Dari segi undang-undang, keadaan ini dirujuk sebagai Jenayah Peluang (*Crime of opportunity*).

Seperti yang dimaklumkan dalam perbincangan sebelum ini, terdapat dua isu utama yang memerlukan perhatian kerajaan Malaysia sewajarnya: (1) isu tinggal melebihi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tempoh dan (2) bilangan tanggungan yang tidak didaftarkan. Kedua-dua isu ini perlu ditangani dengan tegas untuk mengelakkan penyalahgunaan visa dan pas di Malaysia. Oleh itu, hasil dapatan kajian mencadangkan Pusat MM2H mewujudkan Unit Pemantauan (sekurang-kurangnya dua pekerja) untuk membuat pemantauan melalui telefon kepada peserta MM2H.

Syarat ini haruslah dinyatakan dengan jelas bahawa kerajaan Malaysia melalui Pusat MM2H akan menghubungi peserta MM2H sekurang-kurangnya sekali dalam setahun untuk semakan jumlah tanggungan bagi setiap prinsipal. Sebagai maklumat tambahan, prinsipal adalah ketua keluarga atau pemohon utama yang dirujuk sebagai prinsipal. Manakala, ahli keluarga yang dibawa bersama dirujuk sebagai tanggungan.

Selanjutnya, lawatan ke rumah peserta harus dilakukan (jika perlu) untuk tujuan semakan. Cadangan ini merupakan hasil perbandingan tindakan kerajaan Thailand dan Filipina yang berjaya menguruskan warga asing yang menyertai program setara. Usaha pihak kerajaan di sana yang mengambil inisiatif untuk melibatkan penyertaan masyarakat setempat melalui bekerjasama dengan orang awam untuk menyalurkan maklumat terus kepada pihak berkuasa telah mengurangkan kadar jenayah melibatkan warga asing (Tantravanich, 2018; Bruton, 2019).

4.1.3. Pemantauan Kawalan Sempadan

Sebagai langkah tambahan, merujuk kepada kaedah kawalan sempadan yang dipraktikkan oleh kerajaan Australia, pemantauan pergerakan peserta juga boleh dilakukan melalui syarikat penerbangan (Coyne, 2019). Dengan kerjasama syarikat penerbangan, Pusat MM2H melalui Unit Pemantauan dinasihatkan untuk mendapatkan data atau log penerbangan melibatkan peserta MM2H setiap enam (6) bulan atau setahun sekali.

Menggunakan teknologi terkini yang semakin canggih, syarikat penerbangan hanya perlu menghantar rekod penerbangan melibatkan warga asing dari segi maklumat peribadi seperti nama, warganegara dan nombor pasport, beserta dengan tarikh, lokasi pelepasan dan destinasi penerbangan sahaja. Tanpa perlu mengehadkan kepada peserta MM2H. Unit Pemantauan di Pusat MM2H akan menapis data tersebut mengikut keperluan pemantauan program.

Jika melibatkan data privasi pengguna, syarikat penerbangan boleh mengehadkan log penerbangan kepada peserta MM2H sahaja. Malah, melihat kepada syarat program yang sedia ada, peserta MM2H telah dimaklumkan bahawa data privasi mereka akan dirujuk jika berkait dengan aspek keselamatan dan pemantauan program untuk tujuan semakan. Maka, tiada isu data privasi dalam kes ini.

4.1.4. Semakan Semula Syarat Permohonan

Walaupun strategi penguatkuasaan dan pemantauan dicadangkan untuk mengawal selia peserta MM2H, semakan semula syarat permohonan adalah lebih menjurus kepada hal ehwal pentadbiran dan kecekapan sektor awam. Dalam hal ini, pembuat dasar seharusnya menyediakan garis panduan yang menyeluruh dan mempertimbangkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan dan pemain-pemain industri seperti ahli akademik, badan bukan kerajaan, persatuan penduduk, dan sebagainya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sebagai contoh, sebarang aktiviti kerajaan berkaitan dengan isu tanah, pihak kerajaan harus merujuk kepada (1) pemerintah negeri, (2) pemaju hartanah, (3) pemimpin setempat, dan (4) badan bukan kerajaan seperti Sahabat Alam Malaysia. Tanpa usaha libat sama daripada pihak berkaitan, program ini akan menemui jalan buntu.

Selain itu, untuk penambahbaikan yang lebih berkesan untuk Program MM2H adalah mengehadkan kuota peserta MM2H seperti yang diguna pakai oleh kerajaan Thailand. Malah, Thailand juga dilihat sebagai antara negara yang paling konsisten dalam menarik minat pelabur asing melalui Program Persaraan dan Visa Elit Thailand. Antara kunci kejayaan program-program ini adalah tindakan kerajaan Thailand yang mengehadkan permohonan visa jangka panjang kepada (1) negara yang tertentu sahaja dan (2) jumlah peserta akan dihadkan mengikut kewarganegaraan (Limcaco, 2019).

Selaras dengan kaedah tersebut, kajian ini mencadangkan kerajaan Malaysia untuk (1) mengehadkan kuota peserta kepada 30 - 40 peratus sahaja bagi setiap negara (bagi aspek keseimbangan demografi) dan (2) mengehadkan kuota negara bagi negara tertentu sahaja samada terdiri daripada negara maju atau membangun sahaja mengikut budi bicara (bagi aspek keselamatan negara).

4.2. Penetapan Pemilik Program

Setelah struktur Program MM2H dikemas kini, perhatian mendesak seterusnya adalah penetapan pemilik induk program (*parent owner*). Secara ringkasnya, MoTAC melihat MM2H sebagai aspek pelaburan negara untuk merancakkan ekonomi Malaysia. Manakala, KDN melalui JIM membuat tapisan ketat terhadap permohonan MM2H kerana menitikberatkan aspek keselamatan negara. Percanggahan arahan dan cara kerja ini menyukarkan pelaksanaan Program MM2H kerana kedua-dua pihak berpegang teguh dengan fungsi kementerian masing-masing. Maka, tetapan semula kementerian bertanggungjawab (kepada satu kementerian sahaja) dan peralihan kuasa dilihat mampu membetulkan hala tuju dasar dengan lebih jelas.

4.2.1. Tetapan Semula Kementerian Bertanggungjawab

Setelah struktur Program MM2H diperhalusi, penetapan semula kementerian yang bertanggungjawab memerlukan perhatian yang serius. Sebagai gambaran ringkas, Program MM2H adalah lanjutan daripada Program SHP yang diuruskan oleh KDN (1987 - 2004) tetapi selepas tahun 2005 (2005-2021), Program MM2H diuruskan oleh MoTAC.

Seperti dinyatakan sebelum ini, dua kementerian ini mempunyai etika kerja yang berbeza dan tumpuan utama (*core business*) adalah bertentangan antara satu sama lain. MoTAC menumpukan kepada keuntungan daripada sektor pelancongan, manakala KDN memberi tumpuan kepada faktor keselamatan negara. Dalam mana-mana rancangan aktiviti kerajaan yang melibatkan kepentingan nasional, isu-isu dasar yang memerlukan koordinasi daripada pelbagai organisasi sektor awam adalah lebih cenderung menjadi rumit dan kompleks di peringkat pelaksanaan. Lebih buruk lagi, ketiadaan garis panduan dalam melaksanakan Program MM2H telah merumitkan usaha berpasukan di dalam Pusat MM2H.

Selepas mengambil kira input daripada pelbagai pihak, kajian ini mencadangkan supaya Program MM2H dikembalikan kepada KDN. Khususnya kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kerana peserta MM2H bukan sekadar pelancong. Kebebasan warga asing

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

untuk keluar masuk Malaysia melibatkan aspek keselamatan negara. Dengan situasi pandemik COVID-19 pada masa kini, kawalan pergerakan warga asing adalah sangat kritikal. Malah, pengurusan Program MM2H adalah bertepatan dengan skop kerja di bawah JIM di mana urusan pengeluaran visa dan pas adalah lebih sistematik dan boleh dipercepatkan jika Program MM2H diletakkan di bawah bidang kuasa JIM.

4.2.2. Peralihan Kuasa Pemilik Program

Secara teknikal, KDN merupakan pemilik Program SHP yang sah dan MoTAC adalah pemilik Program MM2H. Namun begitu, kuasa akhir dalam memberi kelulusan Program MM2H berada di tangan KDN, bukan MoTAC. Jelas dilihat bahawa pertindihan kuasa antara dua kementerian telah mengakibatkan ketidaktentuan hala tuju Program MM2H.

Menyedari konflik ini, kerajaan Malaysia dicadangkan untuk memberi kuasa mutlak kepada Pusat MM2H sebagai agensi bebas (*independent agency*) tanpa mengganggu struktur kedua-dua kementerian. Dari segi praktikal, kajian ini memberi cadangan untuk meletakkan Pusat MM2H di bawah JIM (KDN) sebagai pemilik tunggal Program MM2H. Bagi jawatan Pengarah Program MM2H, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Pengarah Program haruslah dilantik daripada kalangan pegawai JIM yang mempunyai pengalaman menguruskan hal ehwal warga asing.

Dari segi penempatan staf dan pegawai di Pusat MM2H tidak perlu dirombak kerana walaupun pemilik program telah bertukar kementerian, bidang tugas kakitangan Pusat MM2H masih sama. Justeru, kerajaan Malaysia dapat menjimatkan kos daripada penempatan semula kakitangan terlibat atau keperluan untuk merekrut calon baharu bagi mengendalikan Pusat MM2H.

4.3. Memperkasakan Pusat MM2H

Usaha memperkasakan Pusat MM2H adalah signifikan kerana peralihan kuasa daripada MoTAC kepada KDN memberi kuasa sewajarnya kepada pelaksanaan Program MM2H. Sekilas pandang akan kedudukan Pusat MM2H, kajian ini mencadangkan supaya Pusat MM2H dipindahkan daripada seliaan MoTAC kepada KDN dan diberikan kuasa tertentu sebagai agensi bebas. Kali ini, Pusat MM2H perlu menambahbaikkan keadaan tadbir urus sedia ada dengan menyediakan pangkalan data berpusat, merangka aplikasi mudah alih dan mewujudkan akaun media sosial.

4.3.1. Menyediakan Pangkalan Data Berpusat (Centralised Database)

Disebabkan kurangnya koordinasi dan sinergi antara MoTAC dan KDN, kerajaan Malaysia disarankan untuk mengekalkan Pusat MM2H sebagai Pusat Sehenti (*One-Stop-Centre*). Bagi tujuan memperkasakan Pusat MM2H, kajian ini menggabungkan idea dan pandangan daripada ahli akademik dan pelaku dasar supaya kerajaan Malaysia melalui Parlimen Malaysia melantik Pusat MM2H sebagai agensi kerajaan yang bebas (dengan kuasa perundangan) untuk membuat peraturan khusus dalam pelaksanaan Program MM2H.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian ini, wajar untuk dikatakan bahawa MoTAC dan KDN tidak mengambil bahagian dalam data terbuka kerajaan (*government open data*) dan didapati tidak mempunyai pangkalan data yang khusus untuk Program MM2H. Bertindak atas keadaan tersebut, kajian ini mencadangkan kepada kerajaan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia untuk mewujudkan pangkalan data berpusat dalam usaha meningkatkan ketelusan urus tadbir dan juga membantu kementerian membuat keputusan yang tepat berdasarkan data terkumpul. Malah, pengumpulan data secara sistematik (melalui pangkalan data) membolehkan data pemohon dan peserta disimpan secara sistematik dan berpusat.

Justeru, data-data ini boleh dirujuk pada bila-bila masa oleh pihak yang berkepentingan terutamanya dalam membuat keputusan dasar (seperti keadaan semasa yang memerlukan analisis segera berkait dengan warga asing dan peserta MM2H). Dalam usaha memajukan pangkalan data ini, kajian ini mencadangkan supaya insentif pelbagai disalurkan kepada kerani data (Cadangan: 3 - 5 orang Pekerja Sambilan Harian - PSH). Insentif ini boleh diberikan dari segi markah KPI tahunan, sijil, atau elaun tambahan mengikut sasaran data yang dimasukkan. Maka, kakitangan Pusat MM2H yang terlibat tidak berasa terbeban dengan tugasan yang diberikan.

4.3.2. Merangka Aplikasi Mudah Alih (Mobile App)

Seterusnya, cadangan merangka aplikasi mudah alih adalah bertujuan untuk memudahcara dan memadankan keperluan peserta MM2H dengan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia. Objektif pembangunan aplikasi mudah alih adalah secara serampang dua mata iaitu (1) untuk memantau pergerakan dan (2) menilai kesejahteraan peserta. Sehingga kini, Program MM2H tidak mempunyai kaedah pemantauan khas untuk mengesan keberadaan peserta bagi tujuan menilai pengurusan risiko program ini.

Perlu diingatkan sekali lagi bahawa Program MM2H tidak menyekat pergerakan peserta tetapi notifikasi keberadaan dan makluman pergerakan peserta perlu direkodkan untuk urusan penilaian dasar dengan keperluan mendesak seperti risiko penularan COVID-19.

Kajian ini mencadangkan supaya peserta MM2H memuat turun aplikasi Program MM2H 2.0 sebaik sahaja permohonan mereka diterima oleh Pusat MM2H. Pada dasarnya, aplikasi ini direka untuk tujuan dokumentasi pihak Imigresen (JIM) melalui komunikasi *real-time* menggunakan geolokasi (GPS) dan '*selfie'* (swafoto). Secara khusus, aplikasi ini diharapkan dapat mengakses lokasi, status kesihatan, dan tempoh sah laku pasport dan visa peserta MM2H.

4.3.3. Mewujudkan Akaun Media Sosial (Social Media)

Perlu diingatkan bahawa cadangan mewujudkan pangkalan data adalah sangat penting dalam membantu pembuat dasar membuat keputusan yang rasional dan tepat. Manakala, kegunaan aplikasi mudah alih pula mampu mengurangkan beban birokrasi yang dihadapi oleh peserta MM2H ketika berurusan dengan perkhidmatan kerajaan. Kedua-dua cadangan teknologi ini dianggap sebagai penyelesaian 'dalaman' untuk meningkatkan kecekapan sektor awam terutamanya dalam pelaksanaan Program MM2H yang lancar.

Dalam sisi yang lain, usaha untuk memupuk penyertaan daripada bakal pemohon warga asing dan orang awam di Malaysia, kerajaan Malaysia dicadangkan untuk mewujudkan platform media sosial untuk hebahan Program MM2H. Malah, penggunaan media sosial bagi Program MM2H diharapkan mampu menjadi alat komunikasi kerajaan yang berkesan dalam usaha menyebarkan maklumat yang tepat dan sahih berkaitan MM2H.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kenyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Akinola et al. (2021) yang telah dijalankan di Nigeria. Dapatan kajian tersebut memaparkan bahawa penggunaan platform media sosial (kerajaan dan rakyat) mampu meningkatkan kepercayaan dan sokongan rakyat terhadap kerajaan.

Selain itu, hebahan dan perkongsian aktiviti daripada Pusat MM2H seperti menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang melibatkan peserta MM2H (Contohnya: Majlis Hi-tea, Program bahasa kebangsaan, kerja amal, dan sebagainya) dilihat mampu menarik minat pelancong atau pelabur asing untuk menyertai MM2H. Untuk merealisasikan usaha ini, Unit Media Sosial perlu diperkenalkan oleh Pusat MM2H di mana staf yang bertugas harus mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang luas dalam menguruskan platform media sosial secara profesional. Dalam situasi ini, kos operasi kerajaan dapat dijimatkan kerana Pusat MM2H hanya memerlukan kakitangan kumpulan sokongan bagi peringkat pentadbiran sahaja bagi menguruskan Unit Media Sosial.

Selanjutnya, pengambilan atau penugasan semula Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pusat MM2H adalah bermanfaat kerana skim ini dikecualikan daripada bayaran lebih masa, insurans, dan bonus. Selain itu, pembayaran gaji atau upah hanya mengikut hari bekerja sahaja tidak termasuk hujung minggu, cuti umum, atau hari tidak bertugas.

Perlu ditekankan di sini bahawa skim perkhidmatan ini bukanlah bertujuan untuk mengeksploitasi golongan pekerja tetapi sebenarnya merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan Malaysia untuk mengurangkan perbelanjaan operasi perkhidmatan awam dan meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan lepasan kolej dan universiti. Malah, kadar pengangguran jangka pendek (umumnya tiga hingga sembilan bulan) dapat dikurangkan melalui skim PSH ini (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2011).

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan proses penggubalan dasar dan kaedah pelaksanaan sebenar sesebuah dasar di Malaysia. Kajian ini mendedahkan kepentingan penilaian dasar dari semasa ke semasa kerana perubahan masa dan keadaan semasa didapati telah mengubah hala tuju dasar Program MM2H yang asal. Bahkan, dapatan ini merupakan analisis dasar yang pertama mengupas isu dalaman Program MM2H secara mendalam.

Secara terperinci, penemuan kajian ini juga mendapati Program MM2H perlu ditambahbaikkan dari segi (1) penstrukturan program, (2) penetapan semula pemilik program, dan (3) usaha-usaha untuk memperkasakan Pusat MM2H. Malah, bertindak atas kepentingan dan faktor keselamatan negara, Program MM2H perlu diletakkan di bawah bidang kuasa KDN melalui JIM untuk mengekang kadar jenayah komersial dan terancang seperti peningkatan kes jenayah siber yang melibatkan warga asing.

Jika diteruskan Program MM2H di bawah seliaan MoTAC, MoTAC tidak mempunyai kapasiti untuk mengawal dan memberi hukuman kepada orang asing kerana limitasi kuasa perundangan yang sedia ada di Malaysia. Tetapi KDN secara praktikalnya, mempunyai kekuatan dan kuasa tertentu untuk memerangi jenayah transnasional. Maka, isu-isu berbangkit melibatkan peserta MM2H lebih mudah ditangani oleh KDN.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan asas untuk kajian selanjutnya dalam bidang dasar awam terutamanya yang berkaitan dengan pendekatan pemindahan dasar. Sebagai kesimpulan, perhatian khusus perlu diberikan kepada penglibatan ahli akademik dan pelaku dasar untuk tujuan penilaian proses pelaksanaan dan pencapaian sesebuah dasar dari semasa ke semasa. Bukan itu sahaja, kajian ini menyarankan agar kajian pada masa hadapan supaya mengambil kira pandangan peserta MM2H untuk dipadankan dengan hasil dapatan kajian ini untuk penambahbaikan dasar secara menyeluruh.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan.

Rujukan

Abdul-Aziz, A. R., Loh, C. L., & Jaafar, M. (2014). Malaysia's My Second Home (MM2H) programme: An examination of Malaysia as a destination for international retirees. *Tourism Management*, *40*, 203-212. https://doi.org/10.1016/j.tourman.2013.06.008.

Abdullah, M. (2019, September 19). *Kurang dialog berkenaan dasar awam, cermin masalah tadbir urus kerajaan - Pakar*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-dialog-berkenaan-dasar-awam-cermin-masalah-tadbir-urus-kerajaan-pakar-217914.

Abdullah, N. H. (2020, Jun 4). *Isu berkaitan PADI, PATI perlu dilihat secara menyeluruh.* Astro Awani. https://www.astroawani.com/video-malaysia/isu-berkaitan-padi-pati-perlu-dilihat-secara-menyeluruh-1852776.

Ahmad, N., Daud, S., & Yusoff, A. Y. (2021). Keberkesanan latihan asas kepolisan kadet inspektor terhadap amalan integriti dalam kalangan pegawai kanan polis. *Kajian Malaysia*, *39*(2), 233-266. https://doi.org/10.21315/km2021.39.2.10.

Ajis, M. N., Keling, M. F., Zakuan, U. A. A., & Zain, Z. W. (2018). Kajian terhadap proses dan pendekatan dalam pembentukan dasar pekerja asing di Malaysia. *e-Bangi, 15*(5), 48-65.

Akinola, O. A., Omar, B., & Mustapha, L. K. (2021). Salience in the Media and Political Trust in Nigeria: The Mediating Role of Political Participation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, *29*(4), 2153-2169. https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.03

Aling, Y. D. (2020, July 6). *Saya cabar Al Jazeera*. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/utama/2020/07/597092/saya-cabar-al-jazeera-metrotv.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Anderson, J. T. (2020). Managing labour migration in Malaysia: Foreign workers and the challenges of 'control' beyond liberal democracies. *Third World Quarterly*, *42*(1), 86-104. https://doi.org/10.1080/01436597.2020.1784003.

Berawi, F. M. (2019). Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Johor: Profil demografi dan dokumen kemasukan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 16*(1), 72-92.

Bernama. (2020, July 5). *COVID-19: Tindakan Malaysia terhadap PATI berlandaskan undang-undang - NGO*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-tindakan-malaysia-terhadap-pati-berlandaskan-undangundang-ngo-249972.

Bernama. (2021, April 2). *Malaysia among Top 20 countries for foreigners to relocate for work.* New Straits Times. https://www.nst.com.my/news/nation/2021/04/679096/malaysia-among-top-20-countries-foreigners-relocate-work-study.

Bertram, D., Maleki, A., & Karsten, N. (2020). Factoring in societal culture in policy transfer design: The proliferation of private sponsorship of refugees. *Journal of International Migration and Integration*, *21*(1), 253-271. https://doi.org/10.1007/s12134-019-00738.

Bruton, C. F. (2019, June 24). *Thailand immigration controls: Getting tough with guests*. Bangkok Post. https://www.bangkokpost.com/business/1700888/thailand-immigration-controls-getting-tough-with-guests.

Common, R., & Gheorghe, I. (2017). Assessing strategic policy transfer in Romanian Public Management. *Public Policy and Administration*, *34*(3), 287-307. https://doi.org/10.1177/0952076717730427.

Coyne, J. (2019, March 6). *Australia's other border security problems: visa overstayers.* The Strategist. https://www.aspistrategist.org.au/australias-other-border-security-problem-visa-overstayers/.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches (4th ed.)*. Sage Publications.

Davison, A. (2019, April 6). *MM2H an excellent government initiative.* The Star. https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2019/04/06/mm2h-an-excellent-government-initiative.

Dolowitz, D. P., & Marsh, D. (2000). Learning from abroad: The role of policy transfer in contemporary policy-making. *Governance, 13*(1), 5-23. https://doi.org/10.1111/0952-1895.00121.

Dolowitz, D. P., Plugaru, R., & Saurugger, S. (2019). The process of transfer: The micro-influences of power, time and learning. *Public Policy and Administration*, 1-20. https://doi.org/10.1177/0952076718822714.

Economist. (2020, September 17). *Asia's migrant workers are having a rough time under Covid-19.* The Economist - Asia. https://www.economist.com/asia/2020/09/17/asias-migrant-workers-are-having-a-rough-time-under-covid-19.

Eisenberg, R. (2021, January 13). *The best places to retire abroad? During COVID-19?* Forbes. https://www.forbes.com/sites/nextavenue/2021/01/13/the-best-places-to-retire-abroad-during-covid-19/?sh=786fcc541797.

Friends of Immigration [@Foimm2.0]. (2020, May 3). *Beza warga asing, PATI dan PADI* [Post]. Facebook. https://web.facebook.com/Foimm2.0/posts/beza-warga-asing-pati-dan-padi.

Graham, W., & Robertson, A. (2021). Exploring criminal justice policy transfer models and mobilities using a case study of violence reduction. *Criminology & Criminal Justice*, 1-19. https://doi.org/10.1177/1748895821991607.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Guan, B. T. C. (2018). Retirement migration: the Malaysia My Second Home (MM2H) programme and the Japanese retirees in Penang. *International Journal of Asia Pacific Studies*, *14*(1), 79-106. https://doi.org/10.21315/ijaps2018.14.1.4.

Hasnol, A. R. (2021, March 30). *Time to roll out red carpet again for MM2H participants*. Focus Malaysia. https://focusmalaysia.my/time-to-roll-out-red-carpet-again-for-mm2h-participants/.

Jabatan Imigresen Malaysia. (2021). *Profil jabatan - Pengenalan*. https://www.imi.gov.my/portal2017/index.php/ms/profiljabatan/pengenalan.html.

Jabatan Perkhidmatan Awam. (2011). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011*. https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2011/pp032011.pdf.

Jasmi K. A. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial.* http://eprints.utm.my/id/eprint/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf.

Jayaraman, K., Khu, S. Y., & Kiumarsi, S. (2019). Emigrants' motivation business model for intention to participate in the Malaysia My Second Home programme. *International Journal of Services and Operations Management, 33*(2), 187-207. https://doi.org/10.1504/ijsom.2019.100292.

Khan, M. J., Misnan, S. H., & Ismail, H. N. (2019). International migration, second home programmes development and Malaysia experience. *International Journal of Built Environment and Sustainability*, *6*(2), 63-74. https://doi.org/10.11113/ijbes.v6.n1-2.384.

Kumar, K. (2020, July 2). *Malaysia lost RM776 million with MM2H rejections, say agents*. The Malaysian Insight. https://www.themalaysianinsight.com/s/258245.

Limcaco, P. (2019, November 26). *An in-depth guide to Thailand visas: Applications, requirements, and extensions.* https://www.expatden.com/thailand/.

Mariadas, P. A., Abdullah, H., & Abdullah, N. (2020). The impact of government policies on house prices in Malaysia: An Autoregressive Distributed Lag (ARDL) cointegration approach. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, *7*(3), 145-155.

Ng, S. (2018, December 8). M*M2H to attract higher quality applicants*. The Edge Prop. https://www.edgeprop.my/content/1452242/mm2h-attract-higher-quality-applicants.

Nor, N. H. H. M., Wah, L. S., & Nor, A. H. S. M. (2015). Pelaburan Langsung Asing, Pertumbuhan Ekonomi dan Kualiti Pembangunan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, *49*(1), 49-60. http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2015-4901-05.

Parlimen - Aziz, M. N. (2014). D*ewan Rakyat - Parlimen ke-13, Penggal ke-2, Mesyuarat ke-3*, 4 November 2014 (pp. 69). Parlimen Malaysia. https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-04112014.pdf.

Parlimen - Wai, W. H. (2020). *Dewan Rakyat - Parlimen ke-14, Penggal ke-3, Mesyuarat ke-2*, 22 Julai 2020 (pp.65). Parlimen Malaysia. https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-22072020.pdf.

Rahim, R. A., Zuki, M. A. M. N., Rahim, M. R. A., Junaidi, A. A., & Mumin, A. A. (2019). Mobiliti pekerja migran tidak mahir ke Malaysia: Implikasi sosial dan perundangan negara. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, *25*, 81-97. https://doi.org./10.17576/juum-2019-25-10.

Reuters. (2018, September 20). *Mahathir bans foreigners from buying Forest City residential units in Malaysia.* South China Morning Post. https://www.scmp.com/news/asia/southeast-asia/article/2161465/.

Ridzuan, M. I. M., Huda, M. I. M., & Daud, S. (2021). Hubungan normalisasi Malaysia dengan China: Hujahan realisme neoklasik dalam menganalisis keputusan Tun

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Abdul Razak. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, *48*(1), 123-150.

Rishyakaran, R. (2021, January 4). *Unfreeze MM2H, capitalise on opportunity for economic gains.* Focus Malaysia. https://focusmalaysia.my/unfreeze-mm2h-capitalise-on-opportunity-for-economic-gains/.

San, K. G. (2020, July 16). *Ejen MM2H rugi selepas 2,000 permohonan dikembalikan.* The Malaysian Insight. https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/260549.

Sanusi, R. M. (2021, March 25). *Nasib MM2H di tangan Kabinet.* Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/130142/BERITA/Nasional/Nasib-MM2H-di-tangan-Kabinet.

Satar, A. (2021, February 7). *Kerajaan disaran gubal dasar awam*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/122722/KHAS/.

Selamat, A. (2022). Antara kepentingan nasional dan komitmen antarabangsa: Pengalaman Malaysia mengurus pelarian Vietnam dari tahun 1975 hingga 1990-an. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, *49*(1), 161-188.

Stone, D., Oliveira, O., & Pal, L. A. (2020). Transnational policy transfer: the circulation of ideas, power and development models. *Policy and Society*, *39*(1), 1-18. https://doi.org/10.1080/14494035.2019.1619325.

Tantravanich, K. (2018, October 8). *Unit owners of 'temple bell' condo face immigration fines.* Bangkok Post. https://www.bangkokpost.com/thailand/general/1554162/unit-owners-at-temple-bell-condo-face-immigration-fines.

Wahab, A. (2020). The outbreak of Covid-19 in Malaysia: Pushing migrant workers at the margin. *Social Sciences & Humanities Open*, *2*(1), 1-9. https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2020.100073.

Wong, B. K. M, & Musa, G. (2020). Transnational behaviour among Malaysia My Second Home (MM2H) participants in Malaysia: An exploratory study. *Kajian Malaysia*, *38*(1), 19–45. https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.2.

Woo, J. M., & Choi, M. (2020). Why and How Have Korean Cities Embraced the World Health Organization's Age-Friendly Cities and Communities Model? *Journal of Aging & Social Policy*, 1-18. https://doi.org/10.1080/08959420.2019.1707057.

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods (6th ed.)*. Sage Publications.

Zhang, Y., & Yu, X. (2019). Policy transfer: the case of European Union–China cooperation in public administration reform. *International Review of Administrative Sciences*, 1-18. https://doi.org/10.1177/0020852319841427.

Zin, O. (2021, March 23). *MM2H berisiko jadikan Malaysia `negara jenayah'.* Utusan Malaysia. https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/mm2h-berisiko-jadikan-malaysia-negara-jenayah/.

Zulkipli, N. A., & Ma'alip, S. (2021). Pemilihan bahasa dalam kalangan pekerja asing di Taman Pelangi, Prai, Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, *20*(1), 154-169.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).